



ISTANA NEGARA

TITAH UCAPAN
DYMM SPB YANG DI-PERTUAN AGONG IX
SULTAN AZLAN SHAH
DI MAJLIS PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT
KEDOKTORAN HUKUM DI UNIVERSITI GAJAH MADA,
JOGJAKARTA PADA 28 SEPTEMBER 1990

EMBARGO SEHINGGA JAM 9.00 PAGI, 28.9.90 (JUMAAT)



ISTANA NEGARA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam bahagia.

Yang Mulia Bapak Fuad Hassan,
Menteri Pendidikan dan Kebudayaan,

Yang Mulia Sri Paduka Paku Alam VIII,
Gabenor Daerah Istimewa Jogjakarta,

Bapak Mohamad Adnan, Rektor Universiti Gajah Mada,

Para Senat, Guru Besar Universiti Gajah Mada dan

Hadirin sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Walaala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, saya dan Adinda Raja Permaisuri dapat bersama-sama dengan saudara dan saudari pada pagi ini. Saya merasa sungguh gembira kerana dapat melawat Universiti Gajah Mada yang bersejarah ini, dan juga kerana pihak Universiti telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Kedoktoran Hukum kepada saya.

2. Saya menerima penganugerahan ini bukan sahaja sebagai satu penghormatan kepada diri saya tetapi juga sebagai satu lagi langkah bagi menjalin hubungan yang lebih erat di antara kedua-dua negara tetangga. Sebagai Canselor Universiti Malaya, iaitu Universiti yang tertua di Malaysia, dan sebagai bekas Ketua Hakim Negara, penganugerahan yang diberikan oleh sebuah institusi pengajian tinggi, juga yang tertua di Indonesia, khususnya dalam bidang hukum sangatlah besar ertinya bagi saya dan negara saya.



ISTANA NEGARA

3. Tidaklah dapat dinafikan bahawa institusi-institusi pendidikan tinggi di setiap negara memainkan peranan yang penting dalam usaha pembangunan dan keperluan tenaga manusia. Institusi-institusi ini memberikan didikan kepada rakyat yang bakal berkhidmat kepada negara, baik dengan pemerintah mahupun dalam sektor swasta. Setiap negara menaruh harapan dan mengamanahkan kepada universiti-universitinya bagi memenuhi peranan yang penting ini.

4. Satu lagi peranan universiti yang tidak kurang pentingnya ialah dalam bidang penyelidikan yang diusahakan oleh tenaga akademik dan pelajar-pelajar lepasan ijazahnya. Penyelidikan seperti ini sangatlah penting bagi kemajuan sesebuah negara. Saya dimaklumkan bahawa Universiti Gajah Mada selama ini telah menunaikan kedua-dua fungsi tersebut, dan telah mendapat pengakuan serta penghargaan bukan sahaja di Indonesia ini tetapi juga di luar negeri. Universiti Gajah Mada memang sudah terkenal di negara saya, lebih lebih lagi kerana memang sudah wujud pertalian sejarah di antara Gajah Mada dengan Malaysia.

5. Sungguhpun universiti memainkan peranan yang penting bagi memenuhi keperluan-keperluan negara, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kini beberapa universiti seperti Universiti Gajah Mada dan universiti-universiti di Malaysia mulai sedar akan perlunya penyelidikan dijalankan atas dasar antarabangsa dan perbandingan.



ISTANA NEGARA

6. Kita tidak lagi hidup terpencil dan di dalam dunia kita sendiri. Dengan bertambahnya kemudahan-kemudahan berkomunikasi secara lebih pantas dan dengan adanya komitmen yang besar pada beberapa negara untuk menubuhkan kerjasama serantau, program-program penyelidikan yang disertai oleh berbilang negara telah menjadi kenyataan. Saya berasa gembira bahawa dengan penubuhan ASEAN, program-program penyelidikan bersama telah dikendalikan di antara negara-negara anggota pertubuhan ini.

7. Sehubungan dengan ini saya percaya bahawa sungguhpun telah wujud kerjasama yang rapat di antara Malaysia dan Indonesia dalam bentuk penyelidikan bersama, pertukaran tenaga akademik dan pelajar-pelajar, masih banyak lagi ruang untuk menjalin hubungan yang lebih erat serta mesra di antara kedua-dua negara yang berjiran dan bertetangga ini.

8. Di antara kita terdapat banyak sekali persamaan. Kedua-duanya mempunyai rakyat yang berbilang kaum yang majoritinya mengamalkan agama yang sama dan bertutur dalam bahasa yang sama. Malah di dalam bidang hukum pun terdapat beberapa persamaan, sungguhpun sistem hukum kita berbeza. Aspek-aspek persamaan ini terbukti dalam bidang hukum Islam, hukum adat dan hukum diri umumnya. Saya percaya banyak yang dapat kita pelajari antara satu sama lain.



ISTANA NEGARA

9. Tambahan pula, hukum memenuhi fungsi yang sama di setiap negara tidak kira sistem hukum mana yang menjadi asasnya. Bidang hukum adalah bidang yang di seluruh dunia sering dianggap arif, saksama dan adil. Selain dari itu hukum adalah selaras dengan maruah serta martabat seseorang manusia yang berbudi pekerti. Maka kerana itulah manusia, tidak kira dari negara manapun, mematuhi hukum dan berusaha menyesuaikan tingkahlaku mereka dengan kehendak-kehendak hukum.

Hakim Inggeris yang masyhur, Lord Atkin pernah berkata:

"Hukum, dan perhubungan hukum yang timbul daripadanya mempengaruhi seseorang individu itu sejak dia dilahirkan Dari waktu dia dilahirkan dia diselubungi oleh hukum dan kuasa-kuasanya yang bermanfaat. Hukum menyediakan peruntukan bagi pendaftaran kelahirannya, menyediakan peruntukan bagi rawatan perubatan yang diberi kepadanya sebagai anak-anak; menyediakan peruntukan bagi pendidikannya semasa dia kecil, menyediakan peruntukan bagi tanggungjawab ibubapa terhadapnya dan tanggungjawabnya terhadap mereka; dan ia memerhatikan kemampuannya untuk melakukan tort atau jenayah. Ia menyediakan peruntukan secara meluas bahawa seseorang itu tidak boleh melakukan kesalahan jenayah atau pidana".



ISTANA NEGARA

10. Oleh yang demikian, hukum itu bukanlah hanya satu rangka bagi masyarakat tetapi adalah sebenarnya jalinan kuasa yang menjadi asas bagi wujudnya masyarakat. Sungguhpun kandungan hukum yang terpakai di setiap negara mungkin berbeza-beza menurut keperluan masing-masing, hukum setiap negara tetap memenuhi matlamat dan aspirasi bersama rakyat bagi mencapai keadilan. Keadilan adalah satu konsep sejagat - ia bukanlah monopoli mana-mana satu negara - prinsip-prinsip fungsi kehakiman, kedaulatan hukum, hak-hak asasi manusia adalah sama bagi semua. Semuanya ini adalah berasaskan kepada nilai-nilai yang didukung oleh seluruh manusia di dunia ini.

11. Demi menghargai prinsip inilah semua negara terdorong untuk mendukung nilai-nilai sejagat yang tertentu. Faktor inilah juga yang telah menjadikan hukum antarabangsa lebih penting akhir-akhir ini. Perkembangan perdagangan antarabangsa dan penubuhan pelbagai pertubuhan antarabangsa jelas menunjukkan wujudnya saling bergantung di antara negara-negara. Hal ini selanjutnya memupuk kesedaran yang lebih besar tentang betapa perlunya memahami hukum di negara-negara lain.

12. Selubungan dengan ini, saya gembira menyaksikan bahawa dengan penubuhan ASEAN, kerjasama yang lebih erat telah tercapai di antara negara kita. Di dalam bidang ekonomi



ISTANA NEGARA

telahpun terjalin hubungan yang akrab bukan sahaja melalui perjanjian-perjanjian pelbagai pihak (multilateral treaties) yang telah mewujudkan organisasi seperti Panitia Kewangan dan Urusan Bank (Committee on Finance and Banking), Persatuan Juru Bank ASEAN (ASEAN Bankers Association) dan Kerjasama Kewangan ASEAN (ASEAN Finance Co-operation), tetapi juga melalui beberapa perjanjian dua hala yang telah ditandatangani antara negara-negara kita di dalam lapangan perdagangan dan komersial.

13. Di dalam bidang hukum pula, Pertubuhan Hukum ASEAN (ASEAN Law Association) dalam Perhimpunan Umumnya memberikan forum yang sesuai bagi anggota-anggotanya bertukar-tukar fikiran secara bebas dan bagi menyebarkan bahan-bahan hukum perbandingan negara-negara anggotanya. Sedapat mungkin ia bertujuan memperoleh kerjasama yang erat bagi melaksanakan hukum-hukum tertentu, terutamanya tentang kesalahan terhadap Negara-Negara.

Saudara saudari sekalian,

14. Saya berharap agar kerjasama yang terjalin antara Indonesia dan Malaysia akan terus diperkukuhkan, dan agar usaha-usaha yang lebih akan dijalankan dalam program-program bersama terutama sekali yang berkaitan dengan bidang penyelidikan dan kajian oleh universiti-universiti kita. Ini pasti akan memberi faedah bersama kepada kedua-dua



ISTANA NEGARA

negara jiran tetangga. Akhirnya, saya ingin sekali lagi mengucapkan setinggi terima kasih kepada Universiti Gajah Mada atas penghormatan yang dianugerahkan kepada saya pada hari ini. Saya akan sentiasa mengingati penganugerahan ini sebagai salah satu daripada peristiwa yang sangat bererti dan penuh kenangan sempena lawatan rasmi saya ke Indonesia.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.